



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 37/2012 (9 hingga 15 September 2012)

Pada minggu ke 37, iaitu dari 9 hingga 15 September 2012, sejumlah 338 kes telah dilaporkan berbanding 354 kes pada minggu sebelumnya (*Lampiran A*). Sebanyak empat (4) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya meningkat sebanyak 10 kes (62%), Pahang 6 kes (86%) manakala masing-masing 5 kes di Terengganu (45%) dan Kelantan (19%). Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Demam Denggi yang dilaporkan dari Januari sehingga 15 September 2012 adalah 15,606 kes berbanding 14,068 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011, peningkatan sebanyak 11% (1,538 kes) manakala kumulatif kes kematian kekal sebanyak 27 kes seperti minggu sebelumnya. Berdasarkan kepada tren peningkatan tahunan kes Denggi KKM telah mengeluarkan nasihat kepada beberapa negeri yang menunjukkan peningkatan kes agar aktiviti pencegahan dan kawalan denggi dipertingkatkan di semua peringkat.

Sepanjang minggu 37, sejumlah 42 lokaliti berwabak dilaporkan melibatkan 21 daerah berbanding 17 daerah pada minggu sebelumnya. Dua daerah di negeri Selangor iaitu Hulu Langat mempunyai lokaliti wabak tertinggi iaitu 7 lokaliti (16 kes) dan di ikuti daerah Klang 5 lokaliti

wabak (25 kes). Seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama MAMPU telah melaksanakan mobile application yang dinamakan myHEALTH Apps. Projek ini dilaksanakan untuk memudahkan rakyat mencapai maklumat perkhidmatan kesihatan dengan cepat, mudah dan selesa pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan menggunakan peranti pintar atau smartphone. Pada masa kini, myHEALTH Apps hanya boleh dimuat-turun menggunakan platform Andriod versi 2.3 dan ke atas sahaja. Anda boleh memilih untuk memuat turun dengan cara :

1. Buka Play Store/ Google Play App dalam telefon pintar anda
2. Carian->MOHMalaysia
3. Klik->open
4. Terus install ke telefon pintar anda.

Antara perkhidmatan yang disediakan dalam aplikasi pintar ini adalah maklumat kemudahan kesihatan dan mobile Denggi yang mana maklumat dapat disalurkan mengenai kawasan wabak Denggi, pencegahan Denggi dan kenyataan akhbar kepada pengguna.

Sebagai usaha untuk memberi kesedaran kepada masyarakat juga, penyebaran maklumat mengenai bahaya Demam Denggi telah dipertingkatkan oleh KKM dengan melaksanakan Program Karnival Jelajah Sihat Bersama Komuniti. Karnival yang terbaru dijalankan adalah pada 8 dan 9 September lalu di PPR Intan Baiduri Kepong, Kuala Lumpur dan di Pusat Bandar Putrajaya iaitu serentak dengan larian '10,000 langkah Merdeka' bersama Duta Sihat 1 Malaysia. Sehingga kini karnival ini telah dilaksanakan di 36 lokaliti di seluruh

negara bersama Duta Sihat 1 Malaysia iaitu Aznil Hj Nawawi, Phoebe Yap dan Uthaya Kumar melibatkan aktiviti-aktiviti seperti forum transformasi COMBI, kuiz kesihatan, bual bicara pencegahan Denggi dan pameran rumah Denggi. Melalui program ini masyarakat akan mendapat pengetahuan bahawa perkara utama dalam pencegahan penyakit Demam Denggi adalah pemusnahan secara berterusan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes, luangkanlah masa hanya 10 minit seminggu. **“Membanteras Denggi Adalah Tanggungjawab Kita Semua”**

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

21 September 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 37/2012
(9 hingga 15 September 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 37/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 37/2011
		Minggu 37 (9 - 15 September 2012)	Minggu 36 (2 - 8 September 2012)		
1	Perlis	0	3	134	74
2	Kedah	10	20	620 (3)	337
3	P. Pinang	4	11	574 (1)	1,321 (2)
4	Perak	46	49	1,175 (5)	896 (2)
5	Selangor	118	124	6,775 (11)	5,369 (5)
6	WPKL & Putrajaya	26	16	1,372 (3)	1,347 (1)
7	N. Sembilan	7	9	365 (1)	551 (2)
8	Melaka	4	4	360	285
9	Johor	24	28	1,178 (1)	1,186 (5)
10	Pahang	13	7	468 (1)	659 (1)
11	Terengganu	16	11	579	482 (1)
12	Kelantan	31	26	861	524 (1)
13	Sarawak	29	29	764	721
14	Sabah	10	17	373 (1)	307 (2)
15	WP Labuan	0	0	8	9
	MALAYSIA	338	354	15,606 (27)	14,068 (22)

Nota: () Kematian